

Perkhidmatan Kesihatan Bersekutu NUP

KAUNSELOR KEWANGAN

Jika anda menghadapi kesukaran untuk melunaskan bil perubatan anda, maklumkan kepada kami dan kami akan mengatitkan seorang Kaunselor Kewangan untuk membantu anda!



Pengurusan bil-bil kesihatan boleh menambah tekanan mental kepada anda dan keluarga. Jika anda menghadapi kesukaran untuk membayar bil perubatan anda, kaunselor kewangan kami boleh membantu.

Kaunselor kewangan kami akan menilai situasi anda dan mengesyorkan cara-cara untuk melunaskan bil perubatan berdasarkan kelayakan dan kemampuan anda.

Jenis Bantuan Kewangan yang disediakan untuk Pesakit NUP mengikut kelayakan

1. Pelan bayaran ansuran persendirian – Perancangan kewangan ansuran.
2. Menggunakan dana MediSave (Simpanan CPF) untuk membayar bill perubatan.
3. Pakej pengurusan penyakit kronik dari dana Medisave.
4. Skim Medifund – Dana yang ditubuhkan oleh pemerintah untuk rakyat Singapura yang tidak mampu membayar perbelanjaan perubatan mereka.
5. Skim Dana Bantuan Ubat (MAF) – Dana bantuan khas untuk sebahagian jenis perubatan sahaja dari Pemerintah
6. Skim 'Remission' – Dana khas NUP untuk pesakit NUP yang tidak layak bantuan pemerintah

Memohon Skim Bantuan Kewangan Pemerintah

Untuk memohon bantuan kewangan, anda harus menyerahkan dokumen-dokumen berikut untuk penilaian, peruntukkan dan kelayakan anda terhadap dana-dana tersebut:

- Kad Pengenalan atau Sijil Lahir / (anda dan ahli keluarga anda) atau Sijil Kematian (jika relevan)
- Slip gaji / Surat pernyataan akaun CPF / Taksiran Cukai Pendapatan yang terkini / Surat pekerjaan (anda dan ahli keluarga anda)
- Buku atau pernyataan akaun bank yang dikemas kini
- Sijil cuti sakit, memo / surat yang mengatakan tidak sihat untuk berkerja, surat penamatan / pemberhentian kerja
- Dokumen bantuan daripada pertubuhan lain (contohnya Pejabat Khidmat Sosial, Medifund Hospital yang bukan NUP)
- Bukti pembayaran sewa, pelan ansuran, tunggakan, hutang, perbelanjaan perubatan dan lain-lain (jika relevan)
- Bil-bil rumah yang terkini (contohnya bill air / api, telefon, Majlis Bandaran (tong sampah), hutang HDB), pinjaman bank tertunggak, surat muflis
- Pernyataan Akaun HDB yang terkini

Untuk membuat temu janji dengan Kaunselor Kewangan, anda boleh

- minta rujukan daripada doktor, jururawat atau profesional kesihatan bersekutu anda di NUP atau
- hubungi talian temu janji kami di 6908 2222

Bantuan Lain juga yang Disediakan

Jika anda menghadapi masalah kewangan untuk kos sara hidup asas atau mendapatkan alat bantuan mobility atau / peralatan perubatan yang lain, sila temui Pekerja Sosial Perubatan (MSW) kami di NUP.

Jika anda bukan seorang warga Singapura dan memerlukan bantuan kewangan, MSW kami boleh membantu anda.

Perkhidmatan Kaunselor Kewangan tersedia di Poliklinik NUP berikut:

Bukit Batok - 50 Bukit Batok West Avenue 3, Singapore 659164

Choa Chu Kang - 2 Teck Whye Crescent, Singapore 688846

Clementi - Blk 451 Clementi Avenue 3 #02-307, Singapore 120451

Jurong - 190 Jurong East Avenue 1, Singapore 609788

Pioneer - 26 Jurong West Street 61, Singapore 648201

Queenstown - 580 Stirling Road, Singapore 148958

Bukit Panjang - 50 Woodlands Road #03-02, Singapore 677726